

BAB 7

KESIMPULAN

Setelah membuat penelitian tentang penyesuaian dan kesan terhadap konsep ketaatan dan protes dalam politik Melayu dan Islam, satu kesimpulan penting boleh dibuat. Iaitu **ketaatan** dan protes dalam bentuk yang bersifat feudal masih berlangsung dalam politik Melayu. Unsur-unsur ini wujud dan berkembang dalam bentuk yang tersendiri, yang **bukan** berbentuk Islam sebenarnya.

Dari segi perspektif Islam, berlakulah seperti yang disebut dalam al-Quran, yang **diringkaskan** dalam maksud “percampuran di antara yang *hak* dan yang *batil*” (al-Quran, 2 : 42). Pada hakikatnya, berlaku penerimaan terhadap sesetengah prinsip ketaatan dan protes dalam doktrin Islam di samping berlaku penolakan terhadap sebahagian besar daripada prinsip-prinsip tersebut. Rujukan kepada perkembangan yang **berlaku** pada dua nilai tersebut di sepanjang sejarah politik Melayu membuktikan kenyataan ini.

Seperti yang telah dibahaskan sebelumnya, unsur kepercayaan lama yang telah bertapak di dalam pemikiran orang Melayu tidak dapat memurnikan pengaruh Islam yang **datang** kemudiannya. Sebaliknya berlaku pengolahan dan penyesuaian dalam bentuk **baru** yang kekal disambut baik oleh masyarakat Melayu. Fenomena ini diakui oleh Chandra Muzaffar (1992), bahawa pengekalan suatu adat feudal dalam bentuk yang **terubahsuai** akan menyakinkan masyarakat Melayu betapa pentingnya ia **dikekalkan** dalam budaya politik mereka.

Dalam menghadapi realiti politik tradisi ataupun moden, sekurang-kurangnya ada **dua** **aliran** atau sikap di kalangan orang Melayu. Pertama ialah sikap **berkompromi** dengan nilai-nilai neo-feudal, yakni bersikap setia pada pemimpin dengan **batas-batas** tertentu yang dianggap tidak mencabar kuasa pemimpin. Unsur

protes dalam sikap ini selalunya ditunjukkan melalui kritikan secara ‘beradab’ atau berdiam diri. Dari satu segi sikap ini dikatakan berasaskan tuntutan agama yang menganjurkan protes secara *hikmah* dan bijaksana. Namun dari segi yang lain, sikap ini lebih cenderung kepada cara politik Machiavelli yang beasaskan prinsip *the end justifies the means*, yakni menghalalkan setiap cara demi untuk mencapai tujuannya.

Sebaliknya, aliran kedua pula bersikap menolak dengan tegas ketaatan bentuk ini dengan menyifatkan bahawa Islam menyarankan protes ke arah perubahan yang menyeluruh, bukan secara serpihan atau sebahagian sahaja. Bagi aliran ini, perubahan hendaklah dilaksanakan dengan tegas tanpa cuba bertolak ansur pada perkara yang jelas terbukti kebenarannya.

Inilah dua sikap yang terdapat di kalangan orang Melayu berhubung sikap bertaat setia dan protes : yang pertama lebih cenderung mengekalkan *stability* dan yang kedua bersifat reformasi. Berdasarkan sejarah politik Melayu tradisional, aliran yang mahu mengekalkan *stability* ternyata lebih berpengaruh. Walaupun ada kes-kes tertentu di mana tokoh-tokoh politik Melayu yang cuba memilih sikap reformasi, namun mereka tidak berjaya melawan arus perdana dari golongan pertama yang ternyata lebih kuat dan berpengaruh. Sebagai kesan, adunan antara ketaatan dan protes itu kekal dalam bentuk yang dapat memenuhi kepentingan pihak yang berkuasa.